

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
TARIKH : 9.10.2014
SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kolej perubatan di negara ini. Berapa bilangan graduan setiap tahun dan keberkesanan pemantauan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2014, terdapat sebanyak 21 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menawarkan program/kursus Ijazah Sarjana Muda Perubatan. Bilangan graduan perubatan yang telah bergraduat bagi tahun 2013 ialah seramai 1,115 orang manakala bagi tahun 2014 ialah seramai 610 orang. Mengikut jantina, pada tahun 2013, terdapat seramai 456 graduan lelaki dan seramai 659 orang graduan perempuan manakala pada tahun 2014, graduan lelaki ialah seramai 220 orang dan graduan perempuan seramai 390 orang.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melaksanakan pemantauan secara menyeluruh ke atas institusi pendidikan tinggi di negara ini termasuk IPTS yang tertakluk di bawah Akta Institusi

Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Antara program pemantauan yang dijalankan adalah Audit Pematuhan yang melihat keupayaan serta pematuhan sesebuah IPTS terhadap akta, surat pekeliling, atau garis panduan bagi memastikan IPTS menawarkan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti. Antara aspek utama yang dilihat adalah status kewangan, pengurusan sumber manusia, enrolmen pelajar, pengendalian kursus pengajian serta kemudahan yang disediakan oleh institusi.

Selain itu, bagi memastikan pengendalian program perubatan dijalankan mengikut syarat kelulusan yang telah ditetapkan, KPM juga turut bekerjasama dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam membuat pemantauan dan pemeriksaan ke atas IPTS yang membuat penawaran kursus perubatan ini. Sekiranya didapati IPTS tersebut menyalahi peruntukan Akta 555, tindakan perundangan boleh diambil sama ada dikenakan kompaun atau pendakwaan.